# STUDENT'S HANDBOOK

www.kkpmas.edu.my

*KKPM & KKPMCRP*



## PENILAIAN & PEPERIKSAAN KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS

LEARN MORE


DI SEDIAKAN OLEH:

**SALIMAH BINTI AZHARI**
**PEGAWAI PEPERIKSAAN**

KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS &
KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS CAWANGAN RANTAU PANJANG
TEL: 013-7772941

Edisi Pertama
Cetakan pertama 2023
© Kolej Komuniti Pasir Mas, 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Penulis:
Salimah Binti Azhari

Editor:
Mohd Azian Bin Husin@Che Hamat

Diterbitkan oleh:
Kolej komuniti Pasir Mas
Kementerian Pendidikan Tinggi
PT 3302-3307, Taman Sri kota, Pasir Pekan,
16250 Wakaf Bharu, Kelantan

09-7185911
09-7185900
https://upikkkpmas.weebly.com/students-handbook---penilaian--peperiksaan.html

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-19132-7-7

## JAWATANKUASA PENERBITAN STUDENT'S HANDBOOK UNIT PEPERIKSAAN KKPM & KKPMCRP

**PENASIHAT:**
FATHUDDIN AIZAT BIN CHE MOHD ARIFF

**PENOLONG PENASIHAT:**
SITI NORSYUHANAS BINTI MOHD NASRI

**PENULIS:**
SALIMAH BINTI AZHARI

**EDITOR:**
MOHD AZIAN BIN HUSIN@CHE HAMAT

**KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS**
**PT 3302-3307, TAMAN SRI KOTA, PASIR PEKAN, 16250 WAKAF BHARU, KELANTAN**
**TELEFON: 09-718 5911**

**KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS CAWANGAN RANTAU PANJANG**
**KEMETERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
**PT3113 & PT3114, LEBUHRAYA RANTAU PANJANG, 17200, RANTAU PANJANG, KELANTAN DARUL NAIM.**
**TEL.: 09 - 7950130**
**WEBSITE:**

**HAK CIPTA TERPELIHARA.**
**SETIAP BAHAGIAN TERBITAN INI TIDAK BOLEH DITERBITKAN SEMULA, DISIMPAN UNTUK PENGELUARAN ATAU DIPINDAHKAN KE BENTUK LAIN SAMA ADA DENGAN CARA ELEKTRONIK, GAMBAR, RAKAMAN DAN SEBAGAINYA TANPA KEBENARAN TERLEBIH DAHULU DARI KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS.**

# PRAKATA PENULIS

- Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya EBOOK ini berjaya diterbitkan.
- Buku ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada pensyarah dan pelajar.
- Semoga buku ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pensyarah dan pelajar.

Sekian, Terima Kasih




**SALIMAH BINTI AZHARI**
**PEGAWAI PEPERIKSAAN**
KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS &
KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS
CAWANGAN RANTAU PANJANG

salimah2209@gmail.com

# ISI KANDUNGAN


| ISI KANDUNGAN | mukasurat |
| --- | --- |
| 1. MENDAFTAR KURSUS | 1 |
| 2. NILAI KREDIT | 2 |
| 3. MENGGUGUR KURSUS | 3 |
| 4. KREDIT ULANGAN/ TEBUS GRED (UK / TG) | 4 |
| 5. KREDIT LULUS DAN TEMPOH | 5 |
| 6. PENILAIAN | 6-9 |
| 7. PENILAIAN KHAS (PK) | 10 |
| 8. MENERUSKAN PENGAJIAN (NAIK SEMESTER) | 11 |
| 9. MENAMATKAN PENGAJIAN | 12 |
| 10. STATUS DIBERHENTIKAN (GB) | 13 |
| 11. SISTEM GRED | 14 |
| 12. SISTEM NILAIAN MATA (PNM & HPNM) | 15-16 |
| 13. PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN | 17-20 |
| 14. RAYUAN & SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN | 21 |
| 15. PENGANUGERAHAN SIJIL | 22 |
| 16. TRANSKRIP & SIJIL | 23-25 |
| 17. RUJUKAN | 26 |
| 18. LAMPIRAN | 27-35 |

# 1.MENDAFTAR KURSUS



- Pendaftaran kursus adalah pada **minggu pertama** Pengajaran dan Pembelajaran (PDP).
- Pindaan / pindahan kredit hendaklah dilakukan dalam **tempoh 3 minggu**.
- Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** mendaftar kursus yangg mempunyai pra syarat sekiranya pelajar **BELUM LULUS** kursus tersebut.
- Pelajar bertanggungjawab untuk **MENYEMAK** senarai kursus yang didaftarkan dengan teliti.
- Pelajar yg telah mendaftar kursus hendaklah mengikuti kursus tersebut sepenuhnya.

unit peperiksaan KKPM & KKPMCRP

# 2.NILAI KREDIT

- **Kredit minima** bagi seorang pelajar adalah **9 kredit/semester** kecuali pelajar semester akhir.
- **Kredit maksima** yang boleh diambil adalah **19 kredit/semester** dengan kebenaran daripada Timbalan Pengarah Akademik.
- Pelajar dinasihatkan untuk berbincang terlebih dahulu dengan Pensyarah Kelas dalam penentuan kredit setiap semester.
- Pelajar yang mendapat **HPNM KURANG DARI 2.00 TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil lebih dari 13 jam kredit pada semester berikutnya.



# 3.MENGGUGUR KURSUS



- Pelajar yg hendak menggugur kursus perlu mendapat persetujuan daripada Timbalan Pengarah Akademik.
- Pengguguran kursus hendaklah dibuat dalam tempoh **EMPAT (4) MINGGU** perkuliahan.

unit peperiksaan KKPM & KKPMCRP

# 4.KREDIT ULANGAN / PENEBUSAN GRED

- Kursus yang mendapat gred C- , D+ dan D, **DIBENARKAN** untuk menebus gred sekali sepanjang pengajian.
- Pelajar yang mengulang kursus (UK) atau menebus gred (TG), **GRED TERBAIK** akan menggantikan gred.
- Bagi tujuan pengiraan HPNM, kredit kira dan nilai mata GRED TERBAIK akan diambilkira, dan kredit kira serta nilai mata gred terdahulu akan dimansuhkan.



unit peperiksaan KKPM & KKPMCRP

# 5. KREDIT LULUS PROGRAM & TEMPOH

- Pelajar **MESTI LULUS** semua kursus yang ditetapkan untuk program pengajiannya termasuk kursus Latihan Industri.
- Kredit minimum bagi program sijil adalah 60 kredit manakala Diploma adalah 90 kredit.
- Tempoh pengajian adalah **4 semester (sijil)** dan **6 semester (diploma).**
- Had maksimum tempoh pengajian adalah **10 semester**.
- Pelajar yang telah melebih tempoh 10 semester akan **DIBERHENTIKAN**.



unit peperiksaan KKPM & KKPMCRP

# 6. PENILAIAN

- **Pelajar hendaklah menduduki atau melaksanakan SEMUA aktiviti Pentaksiran Berterusan(PB)& Penilaian Akhir/Peperiksaan Akhir(PA) yang telah ditetapkan dalam kurikulum.**
- **Syarat LULUS Penilaian sesuatu kursus adalah seperti berikut :-**

1) Pelajar **WAJIB** menghadiri sesi PdP tidak kurang daripada **80%** dari jumlah jam pertemuan kursus, **DAN**
2) Memperolehi markah Penilaian Berterusan (PB) dengan **minima 40%** dan markah Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir(PA) dengan **minima 20%** atau **gred D** iaitu nilai **mata 1.00** bagi setap kursus, **DAN**
3) **WAJIB** Hadir ke **Peperiksaan Akhir /Penilaian Akhir** (bagi kursus yang mempunyai PA)
4) Kursus yang tiada PA, akan dinilai 100% melalui PB.

# MARKAH LULUS PB & PA

- (PB)-Pentaksiran Berterusan = 40%
- (PA)-Penilaian Akhir = 40%
- (PA)-Peperiksaan Akhir = 20%

bagi semua Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti mulai Sesi II : 2022/2023 tidak termasuk Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT) dan Program Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat (DAM)

## CONTOH KAEDAH PENGIRAAN

### 1. Kursus mempunyai **Peperiksaan Akhir**

- Perlu lulus kedua-dua PB dan PA
- Markah lulus **Pentaksiran Berterusan >= 40%** dan **Peperiksaan Akhir >= 20%**

| PEMBERAT PB:PA | MARKAH PENCAPAIAN PELAJAR (%) | MARKAH KESELURUHAN (%) | STATUS KEPUTUSAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | SISTEM SEMASA PURATA PB + PA | SISTEM GRED PB: 40%, PA: 40% | MARKAH LULUS PB: 40%, PA: 20% |
| 50 : 50 | **Kes 1 :**<br>PB : 90<br>PA : 45 | = (90*50) + (45*50)<br>= 45 + 22.5<br>= 67.5 | 67.5 (> 40)<br>LULUS | PB : 90 (> 40)<br>PA : 45 (> 40)<br>LULUS | PB : 90 (> 40)<br>PA : 45 (> 20)<br>LULUS |
| | **Kes 2 :**<br>PB : 90<br>PA : 35 | = (90*50) + (35*50)<br>= 45 + 17.5<br>= 62.5 | 62.5 (> 40)<br>LULUS | PB : 90 (> 40)<br>PA : 35 (< 40)<br>GAGAL | PB : 90 (> 40)<br>PA : 35 (> 20)<br>LULUS |
| | **Kes 3 :**<br>PB : 90<br>PA : 15 | = (90*50) + (15*50)<br>= 45 + 7.5<br>= 52.5 | 52.5 (> 40)<br>LULUS | PB : 90 (> 40)<br>PA : 15 (< 40)<br>GAGAL | PB : 90 (> 40)<br>PA : 15 (< 20)<br>GAGAL |

## CONTOH KAEDAH PENGIRAAN

### 1. Kursus mempunyai **Peperiksaan Akhir**

| PEMBERAT PB:PA | MARKAH PENCAPAIAN PELAJAR (%) | MARKAH KESELURUHAN PB + PA (%) | STATUS KEPUTUSAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | SISTEM SEMASA PURATA PB + PA | SISTEM GRED PB: 40%, PA: 40% | MARKAH LULUS PB: 40%, PA: 20% |
| 60 : 40 | **Kes 1 :**<br>PB : 80<br>PA : 50 | = (80*60) + (50*40)<br>= 48 + 20<br>= 68 | 68 (> 40)<br>LULUS | PB : 80 (> 40)<br>PA : 50 (> 40)<br>LULUS | PB : 80 (> 40)<br>PA : 50 (> 20)<br>LULUS |
| | **Kes 2 :**<br>PB : 80<br>PA : 30 | = (80*60) + (30*40)<br>= 48 + 12<br>= 60 | 60 (> 40)<br>LULUS | PB : 80 (> 40)<br>PA : 30 (< 40)<br>GAGAL | PB : 80 (> 40)<br>PA : 30 (> 20)<br>LULUS |
| | **Kes 3 :**<br>PB : 80<br>PA : 16 | = (80*60) + (16*40)<br>= 48 + 6.4<br>= 54.4 | 54.4 (> 40)<br>LULUS | PB : 80 (> 40)<br>PA : 16 (< 40)<br>GAGAL | PB : 80 (> 40)<br>PA : 16 (< 20)<br>GAGAL |

## CONTOH KAEDAH PENGIRAAN

### 1. Kursus mempunyai **Peperiksaan Akhir**

| PEMBERAT PB:PA | MARKAH PENCAPAIAN PELAJAR (%) | MARKAH KESELURUHAN PB + PA (%) | STATUS KEPUTUSAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | SISTEM SEMASA PURATA PB + PA | SISTEM GRED PB: 40%, PA: 40% | CADANGAN MARKAH LULUS PB: 40%, PA: 20% |
| 70 : 30 | **Kes 1 :** PB : 80 PA : 50 | = (80*70) + (50*30) = 56 + 15 = 71 | 71 (> 40) LULUS | PB : 80 (> 40) PA : 50 (> 40) LULUS | PB : 80 (> 40) PA : 50 (> 20) LULUS |
| | **Kes 2 :** PB : 80 PA : 30 | = (80*70) + (30*30) = 56 + 9 = 65 | 65 (> 40) LULUS | PB : 80 (> 40) PA : 30 (< 40) GAGAL | PB : 80 (> 40) PA : 30 (> 20) LULUS |
| | **Kes 3 :** PB : 80 PA : 14 | = (80*70) + (14*30) = 56 + 4.5 = 60.2 | 60.2 (> 40) LULUS | PB : 80 (> 40) PA : 14 (< 40) GAGAL | PB : 80 (> 40) PA : 14 (< 20) GAGAL |

### 2. Kursus mempunyai **Penilaian Akhir**

- Perlu lulus kedua-dua PB dan PA mengikut Sistem Gred JPPKK
- Markah lulus **Pentaksiran Berterusan >= 40% dan Penilaian Akhir >= 40%**

### 3. Kursus **100% Pentaksiran Berterusan** (Tiada Penilaian Akhir /Peperiksaan Akhir)

- Syarat lulus mengikut Sistem Gred JPPKK
- Markah lulus **Pentaksiran Berterusan >= 40%**

**NOTA :**

i. Kaedah pengiraan ini tidak termasuk program pengajian yang tertakluk kepada syarat lulus tertentu.

ii. Contoh : Program DDT (Markah lulus Pentaksiran Berterusan = 40%, Penilaian Akhir / Peperiksaan Akhir = 40%) dan Program DAM (Markah lulus Peperiksaan Akhir = 25%)

# 7. PENILAIAN KHAS (PK)

**Penilaian Khas (PK)** boleh diadakan bagi kes-kes berikut :-

- Pelajar yang tidak menduduki Penilaian kerana disahkan sakit oleh Pegawai Perubatan hospital kerajaan / swasta.
- Pelajar semester akhir yang lulus dengan bertaraf **"BAIK"** atau **"KEPUJIAN"** tetapi gagal satu kursus dari semester sebelumnya.
- Pelajar yang mempunyai kes kecemasan seperti kematian ibu/bapa/penjaga/suami/isteri/anak.
- Sebab-sebab lain yang **DAPAT DITERIMA** oleh pihak Kolej Komuniti.
- Pelajar perlu mendapat kebenaran Pengarah Kolej Komuniti bagi menduduki PK.

# 8.MENERUSKAN PENGAJIAN (NAIK SEMESTER)



- Pelajar dikehendaki mengambil kursus yang gagal pada semester berikutnya (jika ditawarkan).
- Pelajar dikehendaki **LULUS SEMUA KURSUS** sebelum menjalani Latihan Industri.
- Pelajar semester akhir yg mendapat HPNM > 2.00 (LB), hendaklah memperbaiki status keputusan sebelum ke Latihan Industri.

# 9.MENAMATKAN PENGAJIAN

Pelajar dianggap telah tamat pengajian sekiranya :-

- Mendapat **HPNM 2.00** atau lebih
- Lulus semua kursus yang ditetapkan dalam program.
- Lulus Latihan Industri.
- Memenuhi jumlah jam kredit yang ditetapkan.
- Pelajar yang mendapat **gred D** dan ke bawah bagi subjek **Bahasa Melayu (SPM), WAJIB DAFTAR & LULUS BAHASA KEBANGSAAN A.**



# 10.STATUS DIBERHENTIKAN(GB)




Pelajar boleh diberhentikan (Gagal Berhenti) dari pengajian sekiranya :

- Memperolehi status akademik **(PNM) bawah 2.00 (Lulus Bersyarat)** sebanyak **TIGA (3) kali** berturut-turut.; atau
- **Gagal** sesuatu kursus sebanyak **3 (tiga) kali** termasuk penilaian khas ; atau
- Telah melebihi tempoh **maksimum pengajian (10 semester)** termasuk Latihan Industri.
-

unit peperiksaan KKPM & KKPMCRP

# 11. SISTEM GRED

## SISTEM GRED

| Markah | Gred | Nilai Mata | Status |
|---|---|---|---|
| 90 – 100 | A+ | 4.00 | Sangat Cemerlang |
| 80 – 89 | A | 4.00 | Cemerlang |
| 75 – 79 | A- | 3.67 | Kepujian |
| 70 – 74 | B+ | 3.33 | |
| 65 – 69 | B | 3.00 | |
| 60 – 64 | B- | 2.67 | Baik |
| 55 – 59 | C+ | 2.33 | |
| 50 – 54 | C | 2.00 | |
| 47 – 49 | C- | 1.67 | Lulus Bersyarat |
| 44 – 46 | D+ | 1.33 | |
| 40 – 43 | D | 1.00 | |
| 0 – 39 | F | 0.00 | Gagal |

**Pelajar yang mendapat status LB dibenarkan untuk mengulang kursus / LA untuk mendapat HPNM bersamaan atau lebih 2.00 bagi tujuan penganugerahan Sijil/Diploma**

Canva

# 12.SISTEM NILAIAN MATA

**Status pencapaian akademik pelajar ditentukan pada setiap semester dengan menggunakan Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) berikut :**






Canva

# SISTEM NILAIAN MATA

**Status pencapaian akademik pelajar ditentukan pada setiap semester dengan menggunakan Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) berikut :**

## STATUS AKADEMIK

| PENCAPAIAN | STATUS AKADEMIK |
|---|---|
| 3.67 - 4.00 | Cemerlang |
| 3.00 - < 3.67 | Kepujian |
| 2.00 - < 3.00 | Baik |
| 1.00 - < 2.00 | Lulus Bersyarat |
| < 1.00 | Gagal |

# 13.PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- Keputusan peperiksaan akan diumumkan dalam tempoh TIGA (3) HARI BEKERJA selepas Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kolej Komuniti.
- Pelajar boleh menyemak dan cetak slip keputusan melalui portal CCMS di https://app.mypolycc.edu.my/ccms/
- Slip Keputusan rasmi (bercetak) boleh didapati di Unit Peperiksaan selepas keputusan diumumkan.
- Keputusan pelajar boleh DITAHAN sekiranya pelajar tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kolej komuniti.
- Cth : masalah disiplin, tidak membayar yuran dan sebagainya.

# CARA SEMAK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

1. Masuk ke portal CCMS https://app.mypolycc.edu.my/ccms/
2. Klik butang untuk mendaftar masuk sistem.
Masukkan nama ID dan Katalaluan. Klik butang .
ID : No. Kad Pengenalan (cth : 800718041234)
Katalaluan : No. Pendaftaran (cth : B02SDD20F001) semua huruf BESAR

1. Masuk ke portal CCMS https://app.mypolycc.edu.my/ccms/

2. Klik butang LOGIN untuk mendaftar masuk sistem. Masukkan nama **ID** dan **Katalaluan.** Klik butang LOG MASUK .

ID : No. Kad Pengenalan *(cth : 800718041234)*

Katalaluan : No. Pendaftaran *(cth : B02SDD20F001)*



Canva

# CARA SEMAK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

3. Antaramuka maklumat pelajar dipaparkan. Pastikan maklumat adalah tepat.



Canva

# SLIP KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

**KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG**
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**SLIP KEPUTUSAN PENILAIAN**

**SESI I 2021/2022**
**SIJIL PERKHIDMATAN LOGISTIK**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **NAMA** | : WAN HAMIZAN BIN WAN HAIDE | **SEMESTER** | : 1 |
| **NO. PEND** | : D23SLK21F030 | **KELAS** | : SKKSLK1B |
| **NO. KP** | : 981228035703 | **TARIKH** | : 08-02-2022 |

| KOD | KURSUS | JAM KREDIT | GRED | NILAI MATA | MATA KREDIT | STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| SLK 10013 | ASAS PENGURUSAN LOGISTIK | 3 | A | 4.00 | 12.00 | Cemerlang |
| SPP 10023 | ASAS PENGURUSAN | 3 | A- | 3.67 | 11.01 | Kepujian |
| SLK 10023 | PRINSIP DAN AMALAN PENGANGKUTAN | 3 | A | 4.00 | 12.00 | Cemerlang |
| SLK 10033 | PENGENALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN | 3 | B | 3.00 | 9.00 | Kepujian |
| SUE 10011 | COMMUNICATIVE ENGLISH | 1 | A | 4.00 | 4.00 | Cemerlang |
| SBC 10012 | APLIKASI KOMPUTER | 2 | A+ | 4.00 | 8.00 | Sangat Cemerlang |
| MPU 13012 | PENDIDIKAN ISLAM | 2 | A+ | 4.00 | 8.00 | Sangat Cemerlang |

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **PNM** | : 3.77 | **JUMLAH JAM KREDIT** | : 17 | **JUMLAH JAM KREDIT TERKUMPUL** | : 17 |
| **HPNM** | : 3.77 | **JUMLAH MATA KREDIT** | : 64.01 | **JUMLAH MATA KREDIT TERKUMPUL** | : 64.01 |

**STATUS AKADEMIK:** CEMERLANG
ANUGERAH PENGARAH

**PENGARAH**
KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

*Slip ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

# 14. RAYUAN & SEMAKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- Pelajar boleh membuat semakan semula skrip jawapan / keputusan peperiksaan dalam tempoh TUJUH (7) HARI selepas pengumuman keputusan.
- Pelajar boleh membuat rayuan dengan mengisi borang di Unit Peperiksaan dan mengemukakan ke Timbalan Pengarah Akademik.
- Bayaran sebanyak RM 25.00 dikenakan bagi setiap kursus.
- Keputusan semakan semula akan dimaklumkan kepada pelajar dalam tempoh EMPAT BELAS (14) HARI BEKERJA.
- Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang.

# 15. PENGANUGERAHAN



# 16. TRANSKRIP & SIJIL KK



# CONTOH SIJIL KK



KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Adalah dengan ini disahkan bahawa

SIJIL

REKABENTUK DALAMAN — FONT ARIAL 18

Dianugerahkan kepada

ALI BIN ABU — FONT ARIAL 16

850252-11-2222 — FONT ARIAL 16

setelah memenuhi semua syarat program yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia

CONTOH

KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI

PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG — FONT ARIAL 9

TARIKH:

A 00343

# PROSES PERMOHONAN SIJIL/TRANSKRIP HILANG



# Rujukan

1) Garis Panduan Pelaksanaan Program Kolej Komuniti Edisi 3

2) KK Peraturan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian KK Edisi ke5 2017

3) FAQs - Surat Penetapan markah lulus pentaksiran berterusan, Penilaian Akhir dan Peperiksaan Akhir bagi Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti bertarikh 18 februari 2023 dengan No Rujukan JPPKK.BPN.100-1/7/1(39) dari JPPKK.

4) BPN- Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Peperiksaaan Akhir/Penilaian Akhir dengan Kaedah Penilaian Alternatif Politeknik dan Kolej Komuniti Sesi 1 : 2021/2022

# LAMPIRAN

## Markah Lulus PB PA

**Pentaksiran Berterusan = 40%**
**Penilaian Akhir = 40%**
**Peperiksaan Akhir = 20%**

bagi semua Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti mulai Sesi II : 2022/2023 tidak termasuk Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT) dan Program Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat (DAM)

| STANDARD PROGRAM | BILANGAN PROGRAM | |
|---|---|---|
| | Politeknik | Kolej Komuniti |
| KOMPUTERAN (2015) | 6 | 2 |
| HOSPITALITY & TOURISM (2019) | 8 | 12 |
| ART & DESIGN 2.0 (2020) | 5 | 3 |
| CREATIVE MULTIMEDIA TECHNOLOGY 2.0 (2021) | 1 | 3 |
| BUSINESS STUDIES 2.0 (2021) | 9 | 2 |
| MUAMALAT & ISLAMIC FINANCE (2020) | 1 | 0 |
| JUMLAH | 30 | 22 |

**Sumber :** Senarai Program Politeknik dan Kolej Komuniti yang mempunyai Syarat Lulus bagi kedua-dua PB dan PA (Bahagian Kurikulum, JPPKK.BK. 600-5/4/3 (47), 5 Januari 2023)

# LAMPIRAN

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Galeria PjH, Aras 6, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
Tel: 03-8888 2630 Faks: 03-8888 5634

Ruj. Kami : JPPKK. BPN. 100-1/7/1 (39)
Tarikh : 18 Februari 2023

**PENGARAH POLITEKNIK**

**PENGARAH KOLEJ KOMUNITI**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

YBrs. Dr. /Tuan / Puan,

**PENETAPAN MARKAH LULUS PENTAKSIRAN BERTERUSAN, PENILAIAN AKHIR DAN PEPERIKSAAN AKHIR BAGI PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Bil 1/2023 bersetuju menetapkan syarat lulus Pentaksiran Berterusan, Penilaian Akhir dan Peperiksaan Akhir **bagi semua Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti mulai Sesi II : 2022/2023** tidak termasuk Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT) dan Program Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat (DAM).

3. Untuk makluman, penetapan markah lulus ini perlu dilaksanakan bagi menepati keperluan enam (6) standard program yang menetapkan syarat perlu lulus kedua-dua Pentaksiran Berterusan (PB) dan Peperiksaan Akhir / Penilaian Akhir (PA) bagi setiap mata pelajaran / kursus. Markah lulus yang ditetapkan ialah **Pentaksiran Berterusan = 40%, Penilaian Akhir = 40% dan Peperiksaan Akhir = 20%.** Markah lulus ini diperluaskan kepada semua program sebagai persediaan pensyarah dan pelajar bagi menghadapi penambahbaikan semua standard program ke arah perlu lulus kedua-dua PB dan PA.

4. Sehubungan dengan itu, syarat perlu lulus kedua-dua PB dan PA akan dinyatakan dalam dokumen kurikulum serta sistem aplikasi pengurusan peperiksaan politeknik dan kolej komuniti. Pelaksanaan peperiksaan akhir diselaraskan di peringkat Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPPKK manakala bagi lain-lain penilaian adalah tertakluk kepada pengurusan di peringkat institusi masing-masing berdasarkan kepada garis panduan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

# JOM KIRA PNM & HPNM



- APA PNM? CONTOH KIRA PNM PELAJAR
- APA HPNM? CONTOH KIRA HPNM PELAJAR
- RESULT/KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

## Cara menyemak Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)

Langkah 1 : Tambahkan Jumlah Mata Kredit bagi semua Semester (Rujuk Slip Keputusan semua semester) untuk mendapatkan Jumlah Mata Kredit Terkumpul. Pastikan hasil tambah sama dengan Jumlah Mata Kredit Terkumpul di Slip Keputusan yang terbaru.

Langkah 2 : Tambahkan Jumlah Jam Kredit bagi semua Semester (Rujuk Slip Keputusan semua semester) untuk mendapatkan Jumlah Jam Kredit Terkumpul. Pastikan hasil tambah sama dengan Jumlah Jam Kredit Terkumpul di Slip Keptusan yang terbaru.

Langkah 3 : Bahagikan Jumlah Mata Kredit Terkumpul dengan Jumlah Jam Kredit Terkumpul untuk mendapatkan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM). Bundarkan ke dua tempat perpuluhan.

## Sistem Gred

Status pencapaian akademik pelajar ditentukan pada setiap semester / modul dengan menggunakan Purata Nilai Mata seperti dalam Jadual 2 berikut:

| PENCAPAIAN | STATUS AKADEMIK |
|---|---|
| 3.67 - 4.00 | Cemerlang |
| 3.00 - < 3.67 | Kepujian |
| 2.00 - < 3.00 | Baik |
| 1.00 - < 2.00 | Lulus Bersyarat |
| < 1.00 | Gagal |

**PNM** : 3.82
**HPNM** : 3.73
**STATUS AKADEMIK:** CEMERLANG
ANUGERAH PENGARAH

*Pelajar yang mendapat Status Akademik Cemerlang akan dianugerahkan dengan Anugerah Pengarah.

## Sistem Gred

Semua markah yang diperolehi oleh pelajar bagi sesuatu kursus / LA akan dinyatakan dalam bentuk gred seperti Jadual 1.

| Markah | Gred | Nilai Mata | Status |
|---|---|---|---|
| 90 – 100 | A+ | 4.00 | Sangat Cemerlang |
| 80 – 89 | A | 4.00 | Cemerlang |
| 75 – 79 | A- | 3.67 | Kepujian |
| 70 – 74 | B+ | 3.33 | |
| 65 – 69 | B | 3.00 | |
| 60 – 64 | B- | 2.67 | Baik |
| 55 – 59 | C+ | 2.33 | |
| 50 – 54 | C | 2.00 | |
| 47 – 49 | C- | 1.67 | Lulus |
| 44 – 46 | D+ | 1.33 | |
| 40 – 43 | D | 1.00 | |
| 0 – 39 | F | 0.00 | Gagal |

Jadual 1

| KURSUS | JAM KREDIT | GRED | NILAI MATA | MATA KREDIT | STATUS |
|---|---|---|---|---|---|
| [redacted] | | A | 4.00 | 16.00 | Cemerlang |
| | | A | 4.00 | 16.00 | Cemerlang |
| | | A- | 3.67 | 11.01 | Kepujian |
| | | B+ | 3.33 | 9.99 | Kepujian |
| | | A | 4.00 | 8.00 | Cemerlang |
| | | A | 4.00 | 4.00 | Cemerlang |

KOMUNITI

**SLIP KEPUTUSAN PENILAIAN**
**SESI I 2022/2023**
**SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **NAMA** | : NUR AMALIN AISYAH BINTI MD YUAZHAN | **SEMESTER** | : 1 |
| **NO. PEND** | : [illegible] | **KELAS** | : SKKSPP1B |
| **NO. KP** | : [illegible] | **TARIKH** | : 19-01-2023 |

| KOD | KURSUS | JAM KREDIT (2) | GRED | NILAI MATA | MATA KREDIT (1) | STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| SPP 10023 | ASAS PENGURUSAN | 3 | A- | 3.67 | 11.01 | Kepujian |
| SPP 10033 | MATEMATIK PERNIAGAAN | 3 | A | 4.00 | 12.00 | Cemerlang |
| SPP 10013 | PRINSIP PEMASARAN | 3 | A- | 3.67 | 11.01 | Kepujian |
| SBC 10012 | APLIKASI KOMPUTER | 2 | A | 4.00 | 8.00 | Cemerlang |
| SUE 10011 | COMMUNICATIVE ENGLISH | 1 | A | 4.00 | 4.00 | Cemerlang |
| MPU 11012 | PENGAJIAN MALAYSIA | 2 | A | 4.00 | 8.00 | Cemerlang |
| MPU 12012 | KEUSAHAWANAN | 2 | A | 4.00 | 8.00 | Cemerlang |

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

| | | | |
|---|---|---|---|
| **PNM** | : 3.88 (3) | **JUMLAH JAM KREDIT** | : 16 |
| **HPNM** | : 3.88 | **JUMLAH MATA KREDIT** | : 62.02 |
| **JUMLAH JAM KREDIT TERKUMPUL** | : 16 | **JUMLAH MATA KREDIT TERKUMPUL** | : 62.02 |

**STATUS AKADEMIK:** CEMERLANG
ANUGERAH PENGARAH

**PNM =** $\dfrac{\text{1 Jumlah SEMUA Mata Kredit yang diperolehi di dalam sesuatu semester}}{\text{2 Jumlah SEMUA Jam Kredit yang diambil di dalam semester tersebut}}$

$$\textbf{PNM} = \frac{11.01+12+11.01+8+4+8+8}{3+3+3+2+1+2+2}$$

$$\textbf{PNM} = \frac{62.02}{16} \quad \begin{matrix}\leftarrow 1 \\ \leftarrow 2\end{matrix}$$

$$\textbf{PNM} = 3.88 \leftarrow 3$$

**SLIP KEPUTUSAN PENILAIAN**
**SESI II 2022/2023**
**SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **NAMA** | : NUR AMALIN AISYAH BINTI MD YUAZHAN | **SEMESTER** | : 2 |
| **NO. PEND** | : [redacted] | **KELAS** | : SKKSPP2B |
| **NO. KP** | : [redacted] | **TARIKH** | : 17-07-2023 |

| KOD | KURSUS | JAM KREDIT (2) | GRED | NILAI MATA | MATA KREDIT (1) | STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| SPP 20073 | PRINSIP PERAKAUNAN | 3 | A | 4.00 | 12.00 | Cemerlang |
| SPP 20053 | ETIKA PERNIAGAAN | 3 | A | 4.00 | 12.00 | Cemerlang |
| SPP 20063 | PENGURUSAN SUMBER MANUSIA | 3 | B | 3.00 | 9.00 | Kepujian |
| SPP 20043 | PEMASARAN DIGITAL | 3 | A+ | 4.00 | 12.00 | Sangat Cemerlang |
| SPP 20083 | STATISTIK | 3 | A- | 3.67 | 11.01 | Kepujian |
| SUE 20021 | WORKPLACE ENGLISH | 1 | A- | 3.67 | 3.67 | Kepujian |
| MPU 13012 | PENDIDIKAN ISLAM | 2 | A | 4.00 | 8.00 | Cemerlang |

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **PNM** | : 3.76 | **JUMLAH JAM KREDIT** | : 18 | **JUMLAH JAM KREDIT TERKUMPUL** | : 34 |
| **HPNM** | : 3.81 (3) | **JUMLAH MATA KREDIT** | : 67.68 | **JUMLAH MATA KREDIT TERKUMPUL** | : 129.70 |
| **STATUS AKADEMIK:** | CEMERLANG<br>ANUGERAH PENGARAH | | | | |

- **HPNM =** 

$$\frac{\text{(1) Jumlah SEMUA Mata Kredit yang diperolehi hingga kini}}{\text{(2) Jumlah SEMUA Jam Kredit yang diambil hingga kini}}$$

$$\text{HPNM} = \frac{12+12+9+12+11.01+3.67+8}{3+3+3+3+3+1+2}$$

$$\text{HPNM} = \frac{62.02+67.68}{16+18}$$

$$\text{HPNM} = \frac{129.70 \;(1)}{34 \;(2)}$$

$$\text{HPNM} = 3.81 \;(3)$$

# SCAN SAYA

SILA ISI MAKLUMBALAS INI BAGI SEBARANG KOMEN/CADANGAN UNTUK PENAMBAHBAIKAN EBOOK "STUDENT'S HANDBOOK "DARI MASA KE SEMASA.
TERIMA KASIH



# SEKIAN,
# TERIMA KASIH

"Semoga perkongsian ilmu ini dapat memberi manfaat kepada semua pensyarah dan pelajar"

Salimah Binti Azhari